



HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i kepada kakitangan Kumpulan Syarikat Yang Terpilih / Badan Kerajaan (Termasuk Anak Syarikat). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini.)

NAMA PRODUK:

PEMBIAYAAN PERIBADI-i KEPADA KUMPULAN SYARIKAT YANG TERPILIH / BADAN KERAJAAN (TERMASUK ANAK SYARIKAT)

TARIKH:

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah kemudahan pembiayaan tanpa cagaran di mana keuntungan dikira berdasarkan pengurangan baki pembiayaan dan ditawarkan kepada kakitangan berikut:

1. Kumpulan Syarikat Maybank
2. Syarikat Berkaitan Kerajaan/ Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan/ Korporat Peringkat Atasan/ Perusahaan Besar
3. Syarikat Multinasional (MNC)
4. Syarikat di bawah program CEPS (termasuk Maybank Work+)
5. Kerajaan Negeri /Badan Berkanun
6. Kerajaan Persekutuan
 - i. Hospital/Klinik Kerajaan
 - ii. Universiti Awam
 - iii. Guru
 - iv. Pegawai Kerajaan Berpangkat Tinggi (JUSA C dan ke atas)
7. Institusi Kewangan
8. Industri Kesihatan (tidak termasuk Klinik Swasta)

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kontrak Shariah yang digunakan untuk produk ini ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan di mana kos dengan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara anda dan kami adalah komoditi khusus patuh Shariah yang boleh diniagakan.


- a) Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, kami membeli komoditi patuh Shariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- b) Kami kemudiannya menjual komoditi kepada anda dengan Harga Jualan Bank yang terdiri daripada harga komoditi ditambah margin/keuntungan kami. Anda membayar secara tangguh dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- c) Anda kemudiannya melantik kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) untuk mendapatkan wang tunai.
- d) Sebagai wakil anda, kami kemudiannya menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan.
- e) Hasil penjualan komoditi tersebut akan diremit kepada anda, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat kemudahan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. KAS disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu KAS = KDS) dan semua Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar Asas Islam (KAI) sedia ada pula ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KAI dan KPA akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam KDS seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

4. Sejarah penanda aras Kadar Asas Standard (KAS) untuk 3 tahun yang lalu



Nota: Garis putus-putus menunjukkan sejarah KDS, iaitu kadar penanda aras KAS

5. Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

| No | Ciri - Ciri | Penerangan | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|-----------------|---|-----------------------|---|--------------------------------------|--------------------------------------|------------|---------------------------|--------------------------------------|-----------------------------|--------------------------------------|--|--|
| i. | Jumlah Kemudahan | Minimum: RM10,000 Maksimum: <ul style="list-style-type: none"> ➤ <u>Pakej Standard</u> RM200,000 atau 20 kali gaji asas termasuk elaun tetap, yang mana lebih rendah ➤ <u>Pakej Istimewa</u> RM400,000 atau 20 kali gaji asas termasuk elaun tetap, yang mana lebih rendah *Amaun pembiayaan yang akan diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh pihak Bank. | | | | | | | | | | | | | |
| ii. | Kadar Keuntungan Efektif | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Cara pembayaran</th> <th>Kadar (Semua segment kecuali Maybank Work+)</th> <th>Kadar (Maybank Work+)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Potongan Gaji Majikan /M2e oleh majikan</td> <td>KAS + 2.70% (Kadar Efektif 5.70%)</td> <td>KAS + 2.90% (Kadar Efektif 5.90%)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Servis M2E</td> <td>Akaun Gaji dengan Maybank</td> <td>KAS + 3.00% (Kadar Efektif 6.00%)</td> </tr> <tr> <td>Akaun Gaji dengan Bank lain</td> <td>KAS + 3.50% (Kadar Efektif 6.50%)</td> </tr> </tbody> </table> | Cara pembayaran | Kadar (Semua segment kecuali Maybank Work+) | Kadar (Maybank Work+) | Potongan Gaji Majikan /M2e oleh majikan | KAS + 2.70% (Kadar Efektif 5.70%) | KAS + 2.90% (Kadar Efektif 5.90%) | Servis M2E | Akaun Gaji dengan Maybank | KAS + 3.00% (Kadar Efektif 6.00%) | Akaun Gaji dengan Bank lain | KAS + 3.50% (Kadar Efektif 6.50%) | | |
| Cara pembayaran | Kadar (Semua segment kecuali Maybank Work+) | Kadar (Maybank Work+) | | | | | | | | | | | | | |
| Potongan Gaji Majikan /M2e oleh majikan | KAS + 2.70% (Kadar Efektif 5.70%) | KAS + 2.90% (Kadar Efektif 5.90%) | | | | | | | | | | | | | |
| Servis M2E | Akaun Gaji dengan Maybank | KAS + 3.00% (Kadar Efektif 6.00%) | | | | | | | | | | | | | |
| | Akaun Gaji dengan Bank lain | KAS + 3.50% (Kadar Efektif 6.50%) | | | | | | | | | | | | | |

Nota: KAS semasa adalah 3.00% berkuatkuasa 08 Mei 2023



| | | |
|------|---------------------------------|---|
| iii. | Kadar Harga Jualan (KHJ) | Kadar pengiraan untuk Kadar Harga Jualan (KHJ) pada masa kelulusan pembiayaan. KHJ juga dikira sebagai harga siling. KHJ dikira sebagai KAS + 7.65% setahun atau 12.0%, yang mana lebih tinggi. |
| iv. | Tempoh | Dari 2 tahun sehingga 10 tahun (sehingga umur 60 atau umur persaraan, yang mana lebih awal) |

6. Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan.

Ansuran bulanan anda ialah RM1,069

Jumlah bayaran pada akhir 10 tahun adalah RM131,391

| Kadar | Hari ini (Kadar Keuntungan: 5.70%) | Jika kadar keuntungan naik 1% (6.70%) | Jika kadar keuntungan naik 2% (7.70%) |
|--|---------------------------------------|--|--|
| *Ansuran bulanan (Purata) | RM1,096 | RM 1,146 | RM 1,198 |
| *Jumlah kos keuntungan pada akhir 10 tahun | RM31,391 | RM 37,466 | RM43,667 |
| *Jumlah pembayaran pada akhir 10 tahun | RM131,391 | RM137,466 | RM143,667 |

Pengiraan di atas adalah berdasarkan andaian berikut:

Jumlah kemudahan: RM 100,000

Tempoh pembiayaan: 10 tahun

Kadar Keuntungan: 5.70%

Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAS, dengan notis bertulis kepada anda 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan, mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran. Jika KAS berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Siling.

7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

| Perkara | Caj |
|------------|---|
| Duti Setem | Ad-valorem iaitu RM5.00 bagi setiap RM1,000.00 daripada amaun pembiayaan atau sebahagian daripadanya mengikut Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) yang akan ditanggung oleh pelanggan dengan menolak daripada jumlah pembiayaan. |

Nota:

Semua yuran di atas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan). Jika terdapat perubahan yuran dan caj daripada kami, notis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

| | |
|------------------------|--|
| Caj Lewat Bayar | <p>Kami akan menuntut pampasan atas bayaran lewat dan tertunggak, mengikut cara pengiraan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Bayaran Lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. II. <u>Apabila Matang</u> Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu. |
|------------------------|--|

| | |
|-------------------------------|--|
| | Walaupun bagaimanapun, Caj Lewat Bayar yang dikenakan tidak akan dikompaun ke atas baki Jumlah Kemudahan. |
| Tindakan undang-undang | <p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gagal membuat bayaran ansuran. • Gagal untuk membalas notis peringatan. • Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda boleh menyebabkan anda menghadapi kesukaran atau dikenakan caj yang mahal untuk memohon pembiayaan yang baru. <p>Notis akan diberikan kepada anda terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap anda.</p> |
| Kadar Kemungkinan | <p>Jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan di bawah Kemudahan ini, Bank berhak menaikkan kadar keuntungan margin kepada Kadar Asas Standard + 6.15% setahun (“Kadar Kemungkinan”) untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>Notis bertulis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pertukaran Kadar Kemungkinan atau apa-apa kadar lain. Kadar Kemungkinan akan terpakai sehingga anda mengurangkan jumlah tertunggak anda kurang dari tiga (3) bulan, di mana kadar keuntungan asal akan terpakai semula.</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi Harga Jualan Bank.</p> |
| Tolak Selesai | Kami akan menolak-selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan kami dengan tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu untuk membayar mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini. |

9. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh ia matang?

Kami akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada anda tetapi tidak terhadap kepada situasi-situasi berikut:

- Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk bayaran dahulu;
- Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya keuntungan tempoh tangguh (bagi pembayaran secara berperingkat);
- Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- Sekiranya jumlah sebenar pengeluaran sebenar adalah lebih rendah daripada Jumlah Kemudahan.

Rebat-rebat tersebut tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut. Rebate tersebut hanya akan diberikan selepas kami menerima jumlah penyelesaian/penebusan oleh Bank berdasarkan formula berikut:

| | | | | |
|-------------------|--------------|----------------|--------------|---|
| Baki Harga Jualan | Tolak | Baki Kemudahan | Tolak | Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank |
|-------------------|--------------|----------------|--------------|---|

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula *Ibra'*.

Pergi ke [Home](#) > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin dan cagaran tidak diperlukan.

11. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

- Anda digalakkan untuk mengambil perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan kecacatan kekal.
- Caruman takaful atas sumbangan tunggal bergantung kepada jumlah pembiayaan, umur dan jantina.
- Anda adalah disyorkan untuk mengambil perlindungan takaful daripada pengendali panel takaful kami (Etiqa Family Takaful Berhad) atau mana-mana panel takaful yang diluluskan oleh pihak kami.

12. Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

13. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat/peringatan tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan dengan anda.

14. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di :

Maybank/Maybank Islamic

Cawangan :
Alamat :
Tel/Fax :
Email :

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel : 03-26167766
E-mail : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di :

Maybank
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Talian Utama : 03-20748075
Email : cfm@maybank.com.my

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Block D, Bank Negara Malaysia
 Jalan Dato' Onn
 50480 Kuala Lumpur
 Tel : 1-300-88-5465
 Fax: 03-2174 1515
 Email : bnmtelink@bnm.gov.my

15. Apakah pakej pembiayaan lain yang ditawarkan?

Sebagai alternatif, Maybank juga menyediakan kemudahan lain untuk menampung keperluan kewangan anda jika anda ingin mengambil pembiayaan ini untuk tujuan tertentu yang menawarkan kos pembiayaan yang lebih rendah. Contoh seperti di bawah:

| Tujuan | Produk |
|-----------------------------------|--|
| Untuk pengubahsuaian/hiasan rumah | 1. Pembiayaan Rumah + Reno (<i>Home+Reno Financing</i>) 2. Pembiayaan MyDeco (<i>MyDeco Financing</i>) |
| Untuk pembelian sistem PV solar | 1. Pembiayaan Solar (<i>Solar Financing</i>) 2. Pelan Ansuran EzyPay 0% melalui Maybank Kad Kredit (<i>0% EzyPay Instalment Plan via Maybank Credit Card</i>) |
| Untuk pendidikan | Pembiayaan Pendidikan Maybank (<i>Maybank Education Financing</i>) |

Nota: Kadar untuk kemudahan di atas adalah berbeza dan tertakluk kepada terma dan syarat masing-masing.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN KEMUDAHAN INI.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Januari 2025.

Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

Pelanggan :

Tandatangan:

Nama:

No. KP:

Tarikh: